
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

HKN 308 - Kesusasteraan Nusantara II: Aspek Pensejarahan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan “arah baru dalam pensejarahan sastera”? Apakah hujah-hujah pelopor aliran ini (terutama Hans Robert Jauss) untuk menolak kaedah pensejarahan tradisional?
2. Bincangkan kontroversi dalam kalangan beberapa orang sarjana tentang permulaan sastera manuskrip Melayu. Dengan merujuk kepada sifat literasi *pallava* dan literasi Islam, bilakah pada pandangan anda budaya manuskrip Melayu itu bermula?
3. Bandingkan kaedah pensejarahan R.O.Winstedt dengan V.I.Braginsky. Mengapakah pada pandangan anda model pensejarahan Winstedt gagal untuk melihat kerencaman dalam proses perkembangan sastera?
4. Bincangkan pendapat-pendapat sarjana untuk menyokong Abdullah Munshi sebagai tokoh pemodenan sastera Melayu. Dengan merujuk kepada tokoh-tokoh lain seperti Hamzah Fansuri, Allaudin dan Raja Ali Haji, beri pandangan anda tentang kedudukan Abdullah sebagai tokoh pemodenan tersebut.
5. Bincangkan faktor-faktor sosio-budaya yang membawa kepada kemunculan aliran sastera Islam pada tahun-tahun 70-an, abad ke-20. Apakah ide-ide utama yang dibawa oleh aliran ini terutama yang berkait dengan seniman, ciri-ciri seni dan fungsi seni?
6. Salah satu kecenderungan sastera yang muncul sebagai akibat daripada pengaruh pemikiran pasca-modern/pasca-kolonial ialah apa yang disebut oleh V.I.Braginsky sebagai “neo-traditionalism”. Huraikan latar belakang kepada kemunculan kecenderungan ini dan perlihatkan sifat-sifat sastera yang terpengaruh olehnya.